

# UMS lancar kempen kesedaran bantu cegah kebakaran di Semporna

UB 25.05.2022 P.06

Oleh Hamzah Sanudin

**SEMPORNA:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif melancarkan kempen kesedaran mencegah kebakaran di Kampung Simunul, di sini baru-baru ini.

Kempen tersebut dijalankan oleh penuntut program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS menerusi Program 'Service Learning Malaysia University for Society' (SULAM).

Pensyarahnya Ramlah Daud berkata, Sabah antara negeri di Malaysia yang mencatatkan beberapa siri kebakaran melibatkan ratusan rumah baru-baru ini.

Katanya, tahun ini sahaja, telah berlaku tiga siri kebakaran, dua daripadanya melibatkan perkampungan di daerah Semporna.

"Misalnya, insiden kebakaran yang berlaku di Kampung Bangau-Bangau pada 20 April lalu telah memusnahkan kira-kira 100 rumah dengan hampir 900 penduduk kehilangan tempat tinggal.

"Kawasan petempatan atas air yang tidak teratur menyebabkan pihak bomba menjalankan operasi menye-

lamat dan memadam api," katanya.

Menurutnya, penuntut bergerak dari rumah ke satu rumah untuk mengedarkan risalah tentang panduan mencegah kebakaran.

"Menariknya, risalah ini bukan hanya ditulis dalam Bahasa Melayu, tetapi turut diterjemahkan dalam bahasa Suluk, bagi membolehkan penduduk setempat memahaminya dengan mudah.

"Program ini satu bentuk pembelajaran berasaskan perkhidmatan yang telah diterapkan dalam kaedah Pengajaran dan Pembelajaran bagi kursus Sosiologi Organisasi Kompleks," katanya.

Ramlah mengharapkan kerjasama sebegini dapat diteruskan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti sekaligus menjamin kualiti hidup masyarakat.

"Ia sekali gus membantu negara mencapai salah satu matlamat pembangunan lestari, SDG 11 (Sustainable Cities and Communities) menjelang 2030," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Simunul, Ismail Sulaiman berkata isu kebakaran yang semakin kerap berlaku menyebabkan penduduk tidak dapat tidur dengan

aman kerana sentiasa dalam keadaan ketakutan.

"Justeru, diharapkan penuntut yang terlibat dapat membantu melancarkan kempen kesedaran mencegah kebakaran dalam kalangan komuniti di sini.

"Program ini belum pernah diadakan sebelum ini dan ia adalah satu tindakan murni bagi membantu komuniti yang memerlukan," katanya.

Ismail berkata, pihaknya juga telah memohon peruntukan alat pemadam api sebagai langkah persediaan menghadapi kejadian seumpamanya.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi masalah lain termasuklah pengurusan sampah buangan dan kebersihan di sekitar perkampungan tersebut.

Terdahulu, program ini, turut melibatkan kerjasama pihak bomba, Semporna khususnya dalam penyediaan risalah.

Pihak bomba memberikan pandangan dan informasi yang perlu dimasukkan dalam risalah berkenaan termasuklah nombor kecemasan yang boleh dihubungi terus ke Balai Bomba Semporna tanpa perlu mendail talian MERS 999.



**KEMPEN:** Persediaan pelaksanaan program oleh kumpulan penuntut Kursus Sosiologi Organisasi Kompleks.